

Graduan perisian komputer tanam cendawan demi kelangsungan hidup

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Oktober 6, 2021 @ 11:54am

bhnews@bh.com.my



Norita menuai hasil cendawan tiram kelabu yang diusahakannya di Kampung Cendering, Kuantan. - NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Kesukaran mencari pekerjaan baharu dalam suasana pandemik COVID-19 sejak lebih setahun lalu, mendorong seorang bekas pegawai perisian komputer mengusahakan tanaman cendawan bagi menyara kehidupan sebagai ibu tunggal.

Norita Johari, 35, graduan Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), berkata beliau tidak mempunyai banyak pilihan untuk mencari rezeki ketika musim pandemik ini, sebelum memberanikan diri meneroka bidang yang berbeza sama sekali dengan apa yang pernah dipelajarinya.

Beliau mula mengusahakan pengeluaran cendawan tiram kelabu di Kampung Cendering dekat sini, sejak awal tahun lalu, selepas tertarik melihat kejayaan seorang rakan di Pekan, yang berjaya menjadi usahawan pembekal tanaman itu.

Katanya, tanpa pengalaman tidak menghalangnya memberanikan diri mengeluarkan modal permulaan sebanyak RM6,000 bagi mendirikan rumah simpanan serta menyediakan kira-kira 400 bongkah cendawan.

'Untuk menjimatkan perbelanjaan membina rumah simpanan bongkah cendawan, saya turut sama membantu tukang menyiapkannya. Walaupun penat, namun hati terasa puas apabila melihat rumah ini siap.

"Walaupun berdepan pelbagai cabaran dan dugaan, namun kini saya mula meraih hasil walaupun tidak seberapa kerana kekangan modal. Ketika ini, saya mampu mengutip di antara 10 hingga 15 kilogram cendawan tiram kelabu sehari hasil keluaran 3,500 bongkah," katanya, di sini semalam.

Norita berkata, bantuan Pejabat Pertanian Daerah Kuantan berupa rumah simpanan dan 3,500 bongkah menambahkan lagi semangatnya untuk berjaya dalam bidang berkenaan kerana sudah memiliki beberapa pelanggan tetap yang membeli cendawan dikeluarkannya setiap hari, berbanding terpaksa menjaja ke kedai di peringkat awal dulu.

Katanya, cabaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini ialah apabila cendawan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan kerana banyak restoran tutup, dia terpaksa menghantar ke kedai.

"Menanam cendawan ini memang seronok, selain kos yang rendah kerana tanaman itu tidak memerlukan baja dan sebagainya, cuma dalam rumah simpanan perlu sentiasa berada dalam keadaan lembab dan bersih.

"Saya bercita-cita membesarlagi lagi projek tanaman cendawan ini seterusnya menjadi pusat pengajaran kepada mereka berminat menceburi bidang ini," katanya yang mempunyai seorang anak perempuan berusia tujuh tahun.